

## Gagal pamer tanda harga, pemilik kedai runcit di Lawas kena kompaun

2020-05-12T18:07:17+08:00  
oleh Rosemaria Buma



Seorang pegawai KPDNHEP Lawas melakukan pemeriksaan ke atas sebuah premis perniagaan di Lawas.

**MIRI:** Seorang pemilik kedai runcit di Lawas dikompaun RM1,000 oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Lawas kerana gagal mempamerkan tanda harga pada barangan kawalan iaitu gula.

Menurut Timbalan Ketua Cawangan KPDNHEP Lawas, Joshua Anyi, pada Jumaat lalu, sepasukan pegawai penguatkuasa melakukan pemeriksaan ke atas premis terbabit.

"Hasil pemeriksaan mendapati pemilik premis gagal mempamerkan label atau tag atau tanda harga tunai dalam Bahasa Melayu atau Inggeris pada barangan kawalan iaitu gula pasir yang dijual dipremisnya.



"Sehubungan itu, kita telah mengenakan kompaun RM1,000 ke atas pemilik premis kerana melakukan kesalahan di bawah Perintah 3(1), Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Peruncit) 1993 dan pada masa sama merampas gula bernilai RM96.90 untuk dijadikan barang kes," katanya ketika dihubungi Utusan Borneo hari ini.

Dalam pada itu menurut beliau, tindak sedemikian diambil sebagai memberi peringatan kepada semua peniaga agar tidak mengambil kesempatan terutama dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dikuatkuasakan.

Joshua berkata ini merupakan kesalahan pertama yang dilakukan oleh peniaga terbabit dan tindakan tegas akan diambil sekiranya dia didapati masih melakukan kesalahan serupa di masa akan datang.

"Pihak KPDNHEP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas dan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana peniaga yang cuba mengambil kesempatan terutama semasa tempoh PKP ini.

"Sehubungan itu, kita menyeru dan menasihatkan semua peniaga agar tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan yang tidak munasabah atau terlalu tinggi dalam tempoh pelaksanaan PKP ini," tegas beliau lanjut.

Pada masa sama, beliau turut mengingatkan para peniaga di Lawas supaya sentiasa mengamalkan perniagaan beretika dengan tidak menaikkan harga barang sesuka hati atau terpaksa berdepan tindakan tegas.

Dalam pada itu menurut Joshua, sepanjang tempoh bermula 1 Januari hingga 8 Mei lalu, sebanyak 2,081 premis telah diperiksa di bahagian Limbang termasuk di kawasan luar bandar.

Hasil pemeriksaan ke atas premis-premis itu telah berjaya menghasilkan kes keseluruhan sebanyak 31 kes dengan nilai rampasan berjumlah RM1,489,684.95 dan kompaun RM5,250.00.

Daripada jumlah itu, dua kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga & Anti Pencatutan 2011 (15), Akta Timbang & Sukat 1972 (7), Akta Perihal Dagangan 2011 (6) dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 (1).

Sementara dalam perkembangan berasingan, beliau turut memberitahu bahawa bekalan barangan makanan untuk tempoh sepanjang Ramadan, Hari Raya Aidilfitri dan Gawai Dayak adalah mencukupi.

"Kita memberi jaminan bahawa stok bekalan mampu menampung permintaan yang dijangka meningkat sempena musim perayaan yang bakal tiba.

"Seramai 26 orang pegawai KPDNHEP Limbang yang terdiri daripada 14 orang Pegawai Penguatkuasa dan 12 orang Pegawai Pemantau Harga sentiasa memantau bekalan makanan harian terutama beras, minyak masak, gula dan tepung di peringkat peruncit dan pemborong di kedua-dua daerah Limbang dan Lawas," ujar beliau lanjut.

Justeru katanya, sebarang aduan dan pertanyaan boleh disalurkan melalui talian hotline kementerian di 1-800-886-800 atau Portal e-aduankpdnhep di <http://e-aduan.kpdnhep.gov.my> atau di talian Whatsapp 019-2794317.

Orang awam juga boleh hadir sendiri ke pejabat KPDNHEP Limbang/Lawas atau menghubungi Bilik Gerakan KPDNHEP di talian 085-217414 (Limbang) dan 085-283650 Lawas. Bilik gerakan KPDNHEP Limbang beroperasi setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.30 petang sepanjang tempoh PKP ini.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/12/gagal-pamer-tanda-harga-pemilik-kedai-runcit-di-lawas-kena-kompaun>